

3 JAN 1996

Khalil - Hutan

KOPERASI KELUARKAN SUMBER HUTAN DI KAWASAN ORANG ASLI

KUANTAN, 3 Jan (Bernama) -- Kerajaan Negeri Pahang hari ini meluluskan permohonan Koperasi Kijang Emas Bhd cawangan Pahang untuk mengeluarkan sumber hasil hutan di kawasan seluas 346 hektar yang diwartakan sebagai kawasan Orang Asli di Sungai Bel dan Sungai Kelit di mukim Batu Talam, Raub.

Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata pengeluaran sumber hutan seperti balak, rotan dan buluh oleh koperasi itu bertujuan membantu Orang Asli dalam meningkatkan tahap ekonomi mereka dengan koperasi berkenaan mengagihkan keuntungan kepada anggotanya yang terdiri daripada Orang Asli.

Menurutnya, sebelum ini terdapat Orang Asli yang tidak memperolehi keuntungan yang sewajarnya daripada sumber hutan yang mereka keluarkan secara bersendirian kerana ada pihak menggunakan Orang Asli untuk memperolehi keuntungan daripada hasil hutan itu.

Ini merupakan kali pertama kerajaan negeri meluluskan permohonan mengeluarkan sumber hutan kepada sesebuah koperasi, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini.

Setelah sumber hasil hutan itu dikeluarkan, kerajaan negeri melalui Felcra akan membantu Orang Asli mengusahakan kawasan itu dengan pertanian.

Mengenai calon pilihan raya kecil kawasan Parlimen Lipis, Khalil yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO negeri berkata soal calon tidak harus difikirkan oleh anggota pada masa ini kerana ia akan diputuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penekanan sekarang ialah terhadap parti kerana Barisan Nasional (BN) yang akan mempertahankan kerusi itu dan bukan calon, kata beliau.

Ketika ditanya sama ada anggota dewan undangan negeri akan dicalonkan untuk kerusi parlimen itu, beliau berkata UMNO tidak kekurangan calon dan tidak pernah seorang anggota UMNO bertanding bagi kerusi Parlimen dan Negeri.

Anggota Parlimen Kuala Lipis Datuk Abu Dahari Osman dari BN meninggal dunia Jumaat lepas kerana menghidap barah usus. -- BERNAMA